

20/10/2001

Swasta diberi insentif buat pelaburan semula

FUNGSI sektor swasta perlu didorong semula untuk menjadi jentera penggerak utama pertumbuhan ekonomi. Dengan itu, kerajaan terus menawarkan pelbagai pakej galakan istimewa untuk menarik pelaburan bermutu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sehingga kini kerajaan meluluskan 20 projek dengan pelaburan RM33 bilion di bawah pakej galakan istimewa terutama bagi projek industri petrokimia dan elektronik.

Selain menarik pelaburan baru, pelabur sedia ada juga digalakkan terus membuat pelaburan semula melalui pembesaran, pemodenan, automasi dan kepelbagaian projek. Dengan itu kerajaan mencadangkan tempoh Elaun Pelaburan Semula dilanjutkan daripada lima tahun kepada 15 tahun.

Walaupun ada banyak cadangan untuk kerajaan mengurangkan cukai korporat, ia tidak dilaksanakan kerana Malaysia masih berdaya saing dengan kebanyakan negara Asean, Asia dan beberapa negara maju lain.

"Malaysia tidak mengenakan cukai ke atas dividen seperti yang dikenakan di beberapa negara maju lain termasuk Thailand, Taiwan dan Jepun. Selain itu, kerajaan juga sudah memberi pelbagai galakan cukai kepada pelabur asing dan tempatan.

"Justeru, jika faktor itu diambil kira, kadar cukai berkesan negara adalah lebih rendah," katanya ketika membentangkan belanjawan 2002 di Parlimen, semalam.

Bagi membolehkan syarikat kecil dan sederhana (IKS) di pasaran global, mereka perlu menyertai Rangkaian Pengurusan Rantai Bekalan Global bagi perolehan, pengeluaran dan pengurusan logistik secara on-line. Untuk menggunakan sistem itu, syarikat IKS perlu mengguna pakai kod pesanan guna sama berasaskan Internet seperti RosettaNet untuk berhubung dengan pembekal global. Bagi membangunkan RosettaNet, geran sebanyak RM5 juta disediakan.

Kerajaan mengumumkan kos perbelanjaan syarikat antarabangsa dalam menerajui program itu bagi faedah syarikat IKS diberi potongan cukai pendapatan.

Untuk meningkatkan jumlah pembabitan Bumiputera dalam industri dan perniagaan terutama peruncitan, kerajaan melancarkan Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan (Prosper). Skim ini, membantu pengusaha kecil Bumiputera yang dikenal pasti menghadapi masalah kekurangan modal, kesulitan mendapat premis atau lokasi yang sesuai serta kelemahan pengurusan.

Sehingga 8 Oktober 2001, Prosper berjaya melatih 2,997 Bumiputera dalam bidang peruncitan. Sebanyak 82 bidang cadangan perniagaan diluluskan yang mana 12 daripadanya adalah bagi bekas tentera. Untuk tahun 2002, 250 lagi usahawan Bumiputra dijangka dapat diwujudkan. Prosper bukanlah skim cepat kaya tetapi adalah skim yang serius untuk perniagaan jangka panjang yang boleh berkembang dan diuruskan dengan baik.

(END)